



**TEKS UCAPAN
YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
NUKLEAR MALAYSIA
BAGI BULAN JANUARI
BIL. 1/2024**

**TARIKH:
18 JANUARI 2024 (KHAMIS)**

**TEMPAT:
DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI) & DALAM TALIAN**

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera,
Salam Malaysia Madani

Terima kasih kepada pengacara majlis pada pagi ini

YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZAIN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan
Pembangunan Teknologi,

YBRS. TS. DR. HUSAINI BIN SALLEH

Pengarah Bahagian Keselamatan & Kesihatan Sinaran Yang
Menjalankan Tugas Timbalan Ketua Pengarah Program
Perkhidmatan Teknikal

YBRS. DR. NOR PA'IZA BIN MOHAMAD HASAN

Pengarah Bahagian Teknologi Industri
Yang Menjalankan Tugas Pengarah Kanan Pengkomersialan

YBRS. DR. SHUKRI BIN MOHD

Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal
Yang Menjalankan Tugas Pengarah Kanan Pengurusan

YBRS. DR RAHMAN BIN YACCUP

Pengarah Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar
Dan juga selaku hos majlis perhimpunan kita pada bulan ini

**Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengurus-Pengurus,
Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya
kasihi sekalian,**

[PENDAHULUAN/PRAKATA]

1. Alhamdulillahlah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua kita berada dalam keadaan sihat dan dapat hadir ke Majlis Amanat Tahun Baru 2024 Ketua Pengarah Bersama Warga Kerja Agensi Nuklear Malaysia. Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua warga yang hadir secara hibrid. Terima kasih kerana meluangkan masa bersama saya dalam perhimpunan ini.
2. Sebagai pembuka tirai tahun 2024, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2024. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang telah melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan cemerlang sepanjang tahun 2023. Walaupun kurang 6 bulan tugas saya di kerusi Ketua Pengarah, namun saya percaya setiap kejayaan yang diperolehi Nuklear Malaysia pada hari ini adalah hasil dambaan sinergi seluruh warga, baik di peringkat kumpulan pelaksana, profesional dan pengurusan utama yang memastikan peranan dan fungsi agensi berada pada tahap yang cemerlang.

Saya harap ia akan menjadi pemangkin dan kekuatan untuk kita terus beristiqamah dan beriltizam melaksanakan perkhidmatan dengan lebih cemerlang dan berintegriti dalam menjalankan amanah yang ditetapkan sepanjang pada tahun 2024.

[DASAR TEKNOLOGI NUKLEAR NEGARA]

Warga Nuklear Malaysia yang dikasihi,

3. Pelancaran Dasar Teknologi Nuklear Negara pada 20 September 2023 yang telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Chang Lih Kang adalah pemacu kepada pembangunan teknologi negara sehingga tahun 2030.
4. DTNN 2030 adalah dasar yang penting dalam agenda negara bagi mengurusperdanakan penggunaan teknologi nuklear secara aman ke arah mempertingkatkan daya saing industri, memperkukuh kesejahteraan rakyat dan memulihara sumber asli dan alam sekitar. Dengan itu, amat besar harapan saya warga Nuklear Malaysia bersedia menggembeleng tenaga dan intelektual untuk memaksimumkan manfaat penggunaan teknologi nuklear pada enam sektor fokus utama.

Sektor fokus utama yang ditetapkan di dalam DTNN adalah (i) perubatan dan penjagaan kesihatan; (ii) makanan dan pertanian; (iii) pembuatan peranti dan peralatan; (iv) pengurusan alam sekitar dan sumber asli; (v) aplikasi perindustrian dan (vi) keselamatan dan sekuriti nuklear.

5. Bersesuaian dengan sifat teknologi nuklear yang dikategorikan sebagai teknologi tinggi, pelaksanaan DTNN 2030 ini telah dipersetujui supaya diletakkan di bawah rangka kerja tadbir urus yang terdiri daripada:

- a. Satu Jawatankuasa Pemandu Teknologi Nuklear (JPTN) yang dipengerusikan oleh Ybhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI;
- b. Satu Jawatankuasa Teknikal Teknologi Nuklear (JTTN) yang dipengerusi dan oleh Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia; dan
- c. 10 Jawatankuasa Kerja Teknologi Nuklear (JKTN) berdasarkan empat teras (4) strategik dan enam (6) sektor utama dasar ini.

6. Pada penghujung tahun 2023, Agensi Nuklear Malaysia sebagai peneraju DTNN juga telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknologi Nuklear (JKTN) pada 15 Disember 2023 dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Teknologi Nuklear (JTTN) pada 21 Disember 2023 yang dihadiri oleh pakar-pakar daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan, sektor industri, pertubuhan serta ahli akademik. Kehadiran luar biasa daripada kedua-dua mesyuarat Jawatankuasa ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi nuklear semakin diterima dan mendapat sokongan daripada pelbagai pemegang taruh termasuklah Kerajaan, pertubuhan dan juga industri.

7. Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua warga Agensi Nuklear Malaysia agar bersama-sama menggembelng tenaga untuk memastikan segala strategi, langkah dasar dan program flagship yang telah digariskan dalam DTNN 2030 dapat dilaksanakan dengan jayanya selepas ini.

[PENCAPAIAN 2023/REFELKSI TAHUN 2023]

Warga Nuklear Malaysia yang dihormati,

8. Di persada antarabangsa, Nuklear Malaysia telah lama menjadi peneraju serantau dalam menggunakan aplikasi nuklear untuk memajukan pembangunan mampan. Nuklear Malaysia sekali lagi telah berjaya diiktiraf sebagai Pusat Kolaborasi Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) bagi Pembangunan & Penyelidikan serta Latihan dalam Aplikasi Sains Nuklear untuk tempoh 2023-2027 selama 4 tahun. Pengiktirafan Nuklear Malaysia di peringkat antarabangsa adalah sebagai sumbangan Malaysia sebagai negara ahli IAEA yang aktif melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta menganjurkan latihan dalam bidang pemprosesan sinaran, ujian tanpa musnah dan pembiakan mutasi tumbuhan yang melibatkan pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara.
9. Nuklear Malaysia telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan inisiatif hasil daripada kerjasama semua pihak di agensi ini sepanjang tahun 2023. Pada tahun lalu, sebanyak **172 projek penyelidikan dan pembangunan** telah dilaksanakan dengan 16 projek didanai pada

peringkat antarabangsa. Melalui program penyelidikan ini, **58 hasil R&D** merangkumi produk, proses dan prosedur telah berjaya dibangunkan, sebanyak **7 reka cipta telah difailkan dan mendapat pengesahan perlindungan harta intelek (IP)**. Di samping itu, Nuklear Malaysia juga telah memenangi **10 anugerah penyelidikan dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Dalam usaha Nuklear Malaysia untuk menyebarkan luas dapatan penyelidikannya, sebanyak **603 hasil penerbitan** telah dihasilkan.

10. Nuklear Malaysia juga telah berjaya memperolehi **pendapatan Akaun Amanah** sebanyak **RM7.933 Juta**** sehingga **28 Disember 2023** yang dijana melalui **6142 perkhidmatan teknikal kepada industri dan agensi kerajaan**. Pada tahun ini sebanyak **6 produk dan perkhidmatan** hasil penyelidikan telah berjaya dikomersialkan dimana **kadar pengkomersialan produk dan perkhidmatan Nuklear Malaysia pada TRL 7 dan ke atas adalah sebanyak 60%**.
11. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas kepada seluruh warga Nuklear Malaysia atas kecemerlangan dan komitmen yang telah diberikan dan saya berharap kita

dapat mengekalkan momentum pencapaian ini untuk menghadapi cabaran baharu dalam tahun 2024.

[ASPIRASI 2024/HALA TUJU 2024]

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

12. Kejayaan dalam 50 tahun perjalanan Nuklear Malaysia, adalah sesuatu yang akan dikenang dan dijadikan kayu ukur untuk merentas perjalanan sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang. Bertepatan dengan tema 'Aspirasi 2024' yang merujuk kepada keinginan atau cita-cita, maka cita-cita tersebut perlu dinyatakan dengan jelas, dirangka dengan perancangan dan strategi yang teliti berserta tindakan yang proaktif secara individu dan berpasukan.

13. Berdasarkan hala tuju strategik jangka panjang DTNN, sejumlah 19 Program Flagship dan 40 Inisiatif Flagship bakal dilaksanakan sehingga 2030. Dengan itu, mulai 2024, saya yakin setiap warga Nuklear Malaysia pasti berada dalam kedudukan bersedia dan berkomited untuk melaksanakan perancangan untuk menjayakan projek-projek R&D berlandaskan DTNN dan dokumen Wawasan Nuklear Malaysia 2030. *We must rise to the challenge.*

14. Seperti kita juga sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan **Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024** pada sidang parlimen **13 Oktober 2023** yang lalu, dimana **sebanyak RM95.767 Juta peruntukan Mengurus dan RM18.855 Juta Peruntukan Pembangunan telah diterima oleh Nuklear Malaysia**. Melalui belanjawan ini Kerajaan komited untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kestabilan serta memastikan setiap individu, termasuk **kita memainkan peranan penting sebagai penjawat awam yang efisien, cerdas dan tangkas dalam menjayakan agenda pembangunan semula negara**.

[PEGAWAI BAHARU/PERTUKARAN/BERSARA]

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

15. Marilah kita sama-sama mengalu-alukan kedatangan pegawai dan kakitangan baharu yang akan memulakan perkhidmatan di agensi ini. Selamat bertugas dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, mencurahkan khidmat bakti dan tenaga bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti.

16. Sebagaimana paparan montaj berita semasa sebentar tadi, terdapat beberapa orang warga kerja yang telah bertukar keluar daripada Nuklear Malaysia. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan selama ini. Selamat maju jaya di tempat baharu dan teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan.
17. Yang datang pasti ada yang pergi. Khususnya kepada warga yang bersara, jasa bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dalam perkhidmatan amatlah tinggi nilainya dan semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang terbaik. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan.

[PENUTUP]

18. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada lantikan baharu bagi senarai AJK Majlis Bersama Jabatan, Kelab Nuklear Malaysia, PUSPANITA Nuklear Malaysia dan Koperasi Kakitangan PUSPATI. Semoga dapat menjalankan amanah ini dengan sebaiknya.
19. Selain itu, saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam

kepada semua pegawai yang menyambut dan meraikannya.

20. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar (BAS) dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat di atas komitmen yang telah diberikan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.